

15/10/1999

Zon hijau pikat burung singgah ke KL

GENTING HIGHLANDS, Khamis - Penyediaan persekitaran zon kehijauan kondusif boleh menarik pelbagai spesies burung singgah di pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata cadangan pembangunan kawasan berkenaan sedang diteliti oleh kementerianannya dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan lain.

Katanya, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta menyiapkan kertas cadangan bagaimana membangunkan persekitaran kondusif berkenaan.

Law berkata cadangan itu yang dimajukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad termasuk pemuliharaan semula bandar raya utama itu.

Ini termasuk mengurangkan pembangunan komersil di pusat bandar raya, meningkatkan pelbagai flora dan fauna serta mengawal jumlah kenderaan yang memasuki kawasan berkenaan.

"Saya difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah mengorak langkah dengan menghentikan beberapa pembinaan komersil di sekitar ibu kota," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Dunia BirdLife International ke-22 di sini, hari ini.

Turut hadir Presiden Kehormat BirdLife International, Ratu Noor dari Jordan, Pengerusi BirdLife, Dr Gerard Bertrand; dan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Datuk Dr Salleh Mohd Nor.

Persidangan antarabangsa itu mengumpulkan kira-kira 500 perwakilan dari lebih 80 negara.

Law berkata, cadangan yang dijangka mengambil tempoh beberapa bulan untuk dilaksanakan itu, turut merangkumi pembinaan kawasan hijau (green belt) baru di sekitar ibu kota.

Mengenai cadangan MNS untuk menamakan burung kebangsaan, beliau berkata secara dasarnya kerajaan bersetuju dengan langkah itu, tetapi masih perlu menimbang spesies yang sesuai.

(END)